



TANGGUNGJAWAB: Peserta program pembersihan perairan Labuan bersama 324 kilogram sampah yang berjaya dikumpul di perairan Kompleks Sukan laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun, baru-baru ini.

Warga Labuan diseru jaga kebersihan perairan Labuan

LABUAN: Seramai 67 peserta secara berkayak telah menjayakan program pembersihan perairan Labuan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di perairan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, Tanjung Purun, baru-baru ini.

Majlis penyampaian Sijil Penyertaan kepada para peserta kayak telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Dr. Fary Akmal Osman.

Dr Fary berharap program

ini akan dapat mendidik masyarakat yang berjiwa merdeka untuk sama-sama menanam semangat untuk menjaga kebersihan perairan disamping dapat mempromosikan kayak dalam kalangan masyarakat.

“Usaha menjaga dan membersihkan kawasan pantai dan laut akan diteruskan dari semasa ke semasa.

“Saya berharap warga Labuan akan turut memberikan kerjasama dengan menjaga kebersihan dan keselamatan kemudahan awam

di perairan kita ini,” kata Dr Fary lagi.

Program anjuran Perbadanan Labuan dengan kerjasama Persatuan Kenu Labuan itu merupakan salah satu pengisian sambutan Bulan Kemerdekaan 2020 peringkat WP Labuan.

Sebanyak 324 kilogram sampah telah berjaya dikumpul melalui program tersebut.

Selaras dengan temanya ‘Malaysia Prihatin’, dua siri pelaksanaan program pembersihan telah dan akan diadakan

di dua kawasan iaitu di perairan Kampung Patau-Patau 1 dan 2, pasar dan UTC.

Manakala bagi perairan perkampungan Kampung Bebuloh Laut dijadualkan pada 16 September 2020.

Turut hadir Presiden Peratuan Kenu Labuan, Mohd. Yunus Waidin dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Labuan, Mohd. Dzulfazal Ab. Manan.

Hadir sama Pengerusi Subzon, ketua-ketua kampung, serta pegawai-pegawai kanan Perbadanan Labuan.